



JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf KONTRAK di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI		PENGISIAN KEKOSONGAN
				GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	
1.	Pegawai Tadbir	N41	Pentadbiran dan Sokongan	2,080.00	9,546.00	1
2.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	S29	Pentadbiran dan Sokongan	1,362.00	5,092.00	2

* Keutamaan akan diberikan kepada bekas-bekas atlet SUKMA negeri Pulau Pinang/negara yang berkelayakan.

Tarikh Iklan Perjawatan : 2 Julai 2020 (Hari Khamis)

Tarikh Tutup Permohonan : 15 Julai 2020 (Hari Rabu)

DOKUMEN PERMOHONAN

Semua permohonan perlu dilaksanakan secara bertulis dengan menyertakan maklumat dan butiran seperti berikut:-

1. Surat Permohonan untuk penjawatan yang dipohon.
2. Maklumat Biodata Lengkap Peribadi (Resume)
3. Gambar Terkini Berukuran Passport
4. Sijil Akademik yang Berkaitan
5. Ijazah / Ijazah Sarjana Muda / Bachelor
6. Diploma / Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
7. Sijil Pelajaran Malaysia (*Wajib Disertakan*)
8. Penilaian Menengah Rendah
9. Lain-lain dokumen Akademik yang berkaitan (sekiranya perlu)
 - a. Sijil Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK)

- b. Sijil Sukan Spesifik
10. Surat/Sijil Tamat Pengajian & Tamat Persekolahan
 11. Salinan Sijil-Sijil Sokongan
 12. Salinan Kad Pengenalan Malaysia / Passport (Wajib)

Semua maklumat beserta dokumen-dokumen yang lengkap seperti berikut perlu dihantar kepada :

**PENGARAH
MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG
JALAN SULTAN AZLAN SHAH
11700 BATU UBAN, PULAU PINANG**

Pemohon perlu menyatakan jenis perjawatan yang dipohon di sudut kanan atas sampul surat:

(PERJAWATAN : _____)

Atau/dan melalui penghantaran secara email ke jobs.msnpp@gmail.com dengan tajuk seperti berikut:

“Permohonon Perjawatan : Pegawai Tabdir N41 / Pegawai Penerangan / Pen.Peg.Belia & Sukan”

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

I) PEGAWAI TADBIR N41 (KONTRAK)

Jawatan & Gred	: Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak)
Taraf Jawatan	: Kontrak Perkhidmatan (COS)
Bil. Kekosongan	: 1
Klasifikasi Perkhidmatan	: Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Dan Profesional
Jadual Gaji	: Minimum RM2,080.00 Maksimum RM9,546.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)	: RM225.00
Syarat Lantikan	: Calon Bagi Lantikan Hendaklah Memiliki Kelayakan Seperti Berikut: (A) Warganegara Malaysia; (B) Berumur Tidak Kurang Dari 18 Tahun Pada Tarikh Tutup (C) (I) Ijazah Sarjana Muda Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan Atau Kelayakan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya; Atau (II) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan Atau Kelayakan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya
Syarat Kelayakan	: Bahasa Melayu : Calon Bagi Lantikan Hendaklah Memiliki Kepujian (Sekurang-Kurangnya Gred C) Dalam Subjek Bahasa Melayu Pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia Atau Kelulusan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya Oleh Kerajaan.
Tarikh Tutup	: 15 Julai 2020 (Hari Rabu)

Deskripsi Tugas :

Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan sukan, perancangan dan pentadbiran sosial, hubungan antarabangsa dan hal ehwal luar negeri (termasuk perkhidmatan luar negeri) keselamatan dan pengurusan teknologi maklumat di jabatan.

(Hanya Calon Yang Disenarai Pendek Sahaja Akan Dipanggil Untuk Temuduga. Pemohon Yang Tidak Menerima Apa-Apa Jawatan Dalam Tempoh 2 Bulan Dari Tarikh Tutup Iklan Adalah Dianggap Tidak Berjaya.)

II) PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN S29 (KONTRAK)

Jawatan & Gred : Penolong Pegawai Belia Dan Sukan Gred S29 (Kontrak)

Taraf Jawatan : Kontrak Perkhidmatan (COS)

Bil. Kekosongan : 2

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan

Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan I

Jadual Gaji : Minimum RM1,362.00
Maksimum RM5,092.00

Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (Kgt) : RM145.00

Syarat Lantikan : Calon Bagi Lantikan Hendaklah Memiliki Kelayakan Seperti Berikut:

(A) Warganegara Malaysia;

(B) Berumur Tidak Kurang Dari 18 Tahun Pada Tarikh Tutup Iklan Jawatan; Dan

(C) Syarat Tambahan :

(I) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Atau Kelayakan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya.

(Gaji Permulaan Pada Gred S29 : RM1,493.00); Atau

(II) Sijil Tinggi Agama Malaysia Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Atau Kelayakan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya.

(Gaji Permulaan Pada Gred S29 : RM1,493.00); Atau

(III) Diploma Dalam Bidang Berkaitan Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan Atau Kelayakan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya.

(Gaji Permulaan Pada Gred S29 : RM1,770.95)

Syarat Kelayakan : Bahasa Melayu
: Calon Bagi Lantikan Hendaklah Memiliki Kepujian (Sekurang-Kurangnya Gred C) Dalam Subjek Bahasa Melayu Pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia Atau Kelulusan Yang Diiktiraf Setaraf Dengannya Oleh Kerajaan

Tarikh Tutup : **15 Julai 2020 (Hari Rabu)**

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab Menguruskan Dan Melaksanakan Program/Projek Belia Dan Sukan Termasuk Kerja-Kerja Menyelaras Kegiatan-Kegiatan Berkenaan, Memberi Nasihat, Bimbingan, Kursus-Kursus, Membuat Kajian Keperluan Sukan Dan Jenis-Jenis Sukan, Merancang Dan Juga Melaksanakan Program Pembangunan Sukan Negara Di Peringkat Daerah, Negeri Dan Persekutuan.

(Hanya Calon Yang Disenarai Pendek Sahaja Akan Dipanggil Untuk Temuduga. Pemohon Yang Tidak Menerima Apa-Apa Jawatan Dalam Tempoh 2 Bulan Dari Tarikh Tutup Iklan Adalah Dianggap Tidak Berjaya.)